

Cubaan seludup pod, cecair vape lebih RM500,000 gagal

Disorokkan dalam sebuah premis kedai kosong dipercayai untuk diseludup ke Thailand

Oleh ADILA SHARINNI WAHID

TUMPAT

Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga Pengkalan Kubor berjaya mematahkan cubaan menyeludup pod, cecair vape yang dianggarkan bernilai RM519,300 di sebuah premis kedai kosong di Kampung Simpangan di sini pada Rabu.

Serbuan dilakukan dalam penugasan sempena Op Landai /Op Kontraban pada jam 5 petang.

Komander PPM Wilayah



FOTO PPM

Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Tiga Pengkalan Kubor menunjukkan pod, cecair vape lebih setengah juta ringgit yang dirampas.

Tiga, Asisten Komisioner Norzaid Muhammad Said berkata, pihaknya menerima maklumat awam berkaitan kegiatan penyeludupan peralatan rokok elektronik tersebut dari Malaysia ke Thailand.

“Apabila anggota serbuan sampai di premis tersebut mendapati pintu tidak berkunci dan tidak berpeguni.

“Hasil pemeriksaan di dalam premis menjumpai barangan 1,209 unit pod vape, 234 unit peralatan aksesori pod vape, 23,397 unit dan 422 botol cecair vape serta 750 karton rokok keseluruhan dianggarkan bernilai RM 519,300,” katanya dalam satu kenyataan kepada akhbar di sini pada Khamis.

Beliau berkata, barang yang ditemui dipercayai untuk diseludup ke negara jiran Thailand dan premis itu dijadikan sebagai stor simpanan sementara atau transit barangan itu.

“Setelah menunggu hampir sejam, tidak ada sesiapa yang tampil mengaku sebagai pemilik kepada barangan.

“Pasukan merampas kesemua barangan itu serta dibawa balik ke Markas Operasi PPM Wilayah Tiga Pengkalan Kubor untuk di buat laporan polis dan tindakan lanjut,” katanya.

Ujarnya, semua pod vape akan diserahkan kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan diasiasat mengikut Seksyen 135(1) Akta Kastam 1967, manakala botol berisi cecair vape pula akan diserahkan kepada pihak Kementerian Kesihatan untuk siasatan menerusi Seksyen 13(a) Akta Racun 1952.